



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER PERINGKAT
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2023**

29 NOVEMBER 2023 | RABU

8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Encik Mohd Sahari Sayuti bin Arifin

Penolong PPD Hal Ehwal Murid, Pejabat Pendidikan Daerah
Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, wakil-wakil dari sekolah, Pegawai-pegawai,
tuan-tuan, puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama untuk berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan November Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2023.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi memeriahkan lagi perhimpunan kita pada pagi ini. Segala kerjasama daripada warga MPS amatlah saya hargai.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

TERIMA KASIH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3. Selaras dengan pengumuman oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor di Pembentangan Belanjawan Bajet 2024 Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan Bantuan Kewangan Khas (BKK) 2023 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM1,000 kepada kakitangan awam yang berkhidmat di bawah pentadbirannya yang akan dibayar pada 28 Disember 2023.
4. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada bantuan keseluruhan sebanyak 2.5 bulan gaji kepada kakitangan

awam yang sudah pun dimulakan menerusi BKK kali pertama sebanyak sebulan gaji minimum RM1,000 pada Hari Raya Aidilfitri pada Mei 2023.

5. Saya mewakili seluruh kakitangan MPS ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar Selangor. Harapan saya agar inisiatif ini dapat meningkatkan lagi prestasi dan semangat kerja dalam kalangan warga MPS.

TAHNIAH ATAS KEJAYAAN MPS

6. Seterusnya, suka saya ingin berkongsi dengan semua tentang kejayaan yang telah dilakar oleh MPS sepanjang bulan November ini.
7. Untuk makluman, pada 6 November yang lalu, MPS telah menerima sijil pengiktirafan atas penyediaan SDG City Roadmap di Pelancaran Malaysia SDG Cities Network & World Habitat Day bertempat di Kuching Sarawak.
8. Selain itu, pada 18 November yang lalu, MPS turut menerima dua anugerah iaitu Anugerah Khas Komuniti Ceria Kebun Komuniti Flat Dadimur Taman Batu Caves sempena Hari Anugerah Laman Hijau Negeri Selangor Tahun 2023 dan Anugerah Kemampanan Bandar (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia.

9. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Saya amat berbangga dengan pencapaian ini dan saya berharap lebih banyak kejayaan akan dikecapi oleh MPS pada masa akan datang.

TAHNIAH URUS SETIA PROGRAM KEMPEN TANAM POKOK PERDANA MPS TAHUN 2023

10. Saya juga ingin menzahirkan rasa bangga dan terima kasih saya kepada semua urus setia yang terlibat dalam menjayakan Program Kempen Tanam Pokok Perdana MPS Tahun 2023 yang telah diadakan di tiga lokasi secara serentak iaitu Elmina Business Park, Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Batu, Gombak dan Taman Pinggiran Pelangi, Rawang.

11. Saya dapat lihat di tapak pelancaran, YB Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar yang mewakili YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor untuk merasmikan program tersebut berasa gembira dan teruja sepanjang program tersebut berlangsung.

12. Alhamdulillah semuanya telah berjalan dengan lancar. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,

PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH

13. Untuk makluman juga, pada hari ini kita telah menjemput tujuh buah sekolah bagi menyampaikan bantuan persekolahan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan seperti anak-anak yatim dan golongan asnaf serta anak-anak daripada golongan B40 sempena Program Ceria Kembali Ke Sekolah. Bantuan ini bagi meneruskan sesi persekolahan tahun 2024 yang akan datang.
14. Baucer sebanyak RM200 akan diberikan 230 orang daripada tujuh buah sekolah untuk membeli keperluan seperti berikut baju kemeja lengan pendek dan panjang, baju kurung, seluar, kain kurung dan pinafore, pakaian sukan seperti t-shirt kemeja putih dan tracksuit, tudung, anak tudung, stokin serta kasut.
15. Semoga dengan sumbangan ini akan menjadi pendorong kepada anak-anak untuk berusaha bersungguh-sungguh dan menjadi insan bermanfaat kepada agama, bangsa serta negara.

TABUNG AMANAH KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN PERINGKAT PERKHIDMATAN AWAM

16. Saya juga ingin berkongsi tentang Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin Peringkat Perkhidmatan Awam yang telah dilancarkan pada 3 November yang lepas sebagai tanda solidariti penjawat awam dalam membantu rakyat Palestin.
17. Untuk makluman, sejumlah RM10,000 telah berjaya dikumpulkan hasil sumbangan daripada kakitangan MPS dan pihak MPS sendiri.
18. Diharapkan semoga dengan bantuan ini sedikit sebanyak dapat membela nasib yang menimpa saudara kita di Palestin dan sama-sama kita doakan agar urusan mereka semua dipermudah.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.